



SIARAN AKHBAR

S.A. 2020/09/62 (HQ)

PROJEK SOLAR TNB BUKIT SELAMBAU MULA TUGAS LEBIH AWAL

Tenaga Nasional Berhad (TNB) berjaya memula tugas Projek Solar Berskala Besar (LSS) di Bukit Selambau, Kedah (LSS Bukit Selambau) pada 8 September 2020, 114 hari lebih awal daripada dijadualkan.

Loji tenaga solar berkapasiti 30 megawatt (MW) itu dilengkapi dengan 134,880 panel fotovoltaik solar dan 14 alat penyongsang (*inverter*). Ia pada awalnya dijangka mula beroperasi pada 31 Disember 2020.

Kejayaan mula tugas LSS Bukit Selambau meskipun berdepan cabaran akibat pandemik Covid-19 membuktikan pengalaman dan kepakaran TNB dalam pembangunan projek Tenaga Boleh Diperbaharui (RE), khususnya projek loji tenaga solar, kata Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan.

“Permulaan tugas LSS Bukit Selambau yang lebih awal adalah satu bukti komitmen TNB dalam memacu penjanaan tenaga boleh diperbaharui untuk negara, termasuk keupayaannya dalam melaksanakan projek Tenaga Boleh Diperbaharui (RE) berskala besar.

“Sejajar dengan pemerolehan pegangan majoriti dalam Vortex Solar di United Kingdom (UK) baru-baru ini, ia meletakkan TNB sebagai peneraju RE domestik selain menjadi antara pemain RE ulung di rantau ini dan peringkat antarabangsa.”

Amir Hamzah juga berkata, projek kedua LSS itu meningkatkan dan mengukuhkan kapasiti penjanaan solar berskala besar dalam negara dengan menyumbang 80MWac (123MWp) kepada Grid Nasional.

LSS pertama TNB di Sepang, Selangor (LSS Sepang Solar) berkapasiti 50MW telah memperoleh tarikh operasi komersial pada November 2018.

Projek LSS Sepang Solar dan LSS Bukit Selambau masing-masing dianugerahkan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) (kini Kementerian Tenaga dan Sumber Asli - KeTSA) melalui Suruhanjaya Tenaga menerusi Program Bidaan Kompetitif LSS 1 dan 2.

Kedua stesen itu dibangunkan oleh anak syarikat milik penuh TNB, TNB Renewables Sdn. Bhd (TRe). TRe adalah syarikat yang terlibat dengan pengurusan aset, operasi dan pelaburan, serta bertanggungjawab menerajui aset dan projek tenaga boleh diperbaharui di Malaysia dan Asia Tenggara. TRe sedang giat meneroka peluang potensi kerjasama dalam segmen tenaga boleh diperbaharui di Malaysia dan di rantau ini.

S.A. 2020/09/62 (HQ)

Pembinaan LSS Bukit Selambau mengambil masa 21 bulan termasuk hampir dua bulan penangguhan akibat PKP. Pembinaannya dijalankan mengikut peruntukan oleh kontraktor kejuruteraan, perolehan, pembinaan dan pentauliah, TNB Engineering Corporation Sdn. Bhd., satu lagi anak syarikat milik penuh TNB.

Inisiatif RE TNB

TNB sentiasa berusaha untuk mencapai sasaran kapasiti terpasang 1,700MW tenaga boleh diperbaharui (RE) pada 2025 di dalam dan luar negara. Ia akan menyumbang kepada aspirasi Kerajaan bagi mencapai 20 peratus penjanaan elektrik negara daripada tenaga boleh diperbaharui (RE) pada 2025.

Portfolio keseluruhan domestik dan antarabangsa TNB kini berada kira-kira 750MW daripada tenaga solar dan angin.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 22 September 2020, jam 12:30 tengah hari

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid di talian 013-3626923 /
Grace Tan di talian 016-6626229 / Nasir Aziz di talian 018-9434524
atau emel ke media@tnb.com.my*

Projek Solar Berskala Besar (LSS) kedua TNB di Bukit Selambau, Kedah (LSS Bukit Selambau) berkapasiti 30 megawatt (MW) mula beroperasi pada 8 September lalu.

